



TALKING POINT

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SEMPENA

**PROGRAM PRA *POST CABINET* : PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
(OACP) KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN AGENSI**

DI

RUANG LEGAR, ARAS 7, MENARA SERI WILAYAH

PADA

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

1. Pertamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana dengan izinNya Sesi Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi dapat diadakan pada hari ini.
2. Jutaan tahniah saya ucapkan kepada YBhg. Datuk Seri KSU, Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL), Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB), Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) dan Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) kerana telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi secara serentak bagi tempoh lima (5) tahun.
3. Seperti yang sedia makluman tahun 2021 adalah sangat mencabar bagi warga Wilayah Persekutuan memandangkan pandemik Covid-19 telah meningkat dan mengurangkan aktiviti ekonomi dalam Negara. Lantaran itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan dan dirancang bagi memastikan semua lapisan Warga Wilayah dapat menghadapi situasi runcing ini dengan lebih baik.
4. Dalam pada melaksanakan program dan aktiviti yang telah direncanakan adalah penting bagi pihak Kementerian dan agensi untuk memastikan segala undang-undang, prosedur dan peraturan

diikuti dan dipatuhi. Termaktubnya Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* KWP dan agensi bagi tempoh lima (5) tahun 2021 – 2025 menunjukkan komitmen Kementerian dan agensi yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha memantapkan pentadbiran, ‘*good governance*’, bebas rasuah dan dipercayai.

5. Untuk makluman, Pelan Antirasuah Organisasi KWP dan agensi adalah sangat unik kerana pembangunannya merangkumi aspek bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti penggubalan dasar dan hubungan antarabangsa dilaksanakan oleh KWP, bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti pengurusan tanah dan sukan dilaksanakan oleh PPTGWP, PPKB dan MSWP serta bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan seperti perbandaran dan pembangunan sosio ekonomi dilaksanakan oleh DBKL, PPj dan PL.
6. Oleh itu, dalam proses membangunkan OACP ini pihak KWP dan enam (6) agensi dibawahnya telah mengambil kira semua bidang kuasa yang dilaksanakan. Hasilnya 24 bidang utama berisiko, 24 strategi, 46 objektif strategi dan 262 inisiatif telah dikenal pasti di dalam Pelan Antirasuah Organisasi tersebut.
7. Visi OACP iaitu menuju pentadbiran Wilayah Persekutuan yang sentiasa efisien, bebas rasuah dan salah laku telah menjadi tunjang utama pembangunannya. Antara bidang-bidang utama berisiko di

Kementerian dan agensi yang telah dikenalpasti adalah tadbir urus korporat, khidmat pengurusan, pengurusan projek dan program, pembangunan sosio ekonomi, perolehan, perbandaran, pentadbiran tanah, penguatkuasaan, pembangunan sukan dan perolehan awam.

8. Antara inisiatif penambahbaikan yang berimpak tinggi di dalam pelan ini pula adalah pelaksanaan pusingan kerja bagi jawatan berisiko dan sensitif untuk mengelakkan pelanggaran integriti (*conflict of interest*). Selain itu, pihak Kementerian dan agensi sentiasa mengoptimumkan inovasi teknologi dalam proses kerja bagi mengurangkan birokrasi dan memudahkan interaksi dengan orang awam. Contoh sistem dalam talian yang dibangunkan adalah Pengurusan Permohonan Rumah Mampu Milik melalui Portal Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, e-lesen, adu@KL dan e-Tanah.
9. Dikesempatan ini juga, saya berharap pihak Kementerian dan agensi melaksanakan sepenuhnya inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi mengekang salah guna kuasa dan rasuah dalam organisasi. Polisi antirasuah yang merupakan sebahagian dari OACP perlu diterapkan kepada seluruh warga kerja termasuk anggota pentadbiran dalam memberikan perkhidmatan yang telus, amanah dan efektif kepada rakyat.
10. Perlu ditekankan bahawa kejayaan program telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti seperti menyediakan bakul makanan kepada komuniti miskin bandar, penyediaan rumah mampu milik dan program keusahawanan

menunjukkan KWP dan agensi amat komited dalam memberikan khidmat terbaik kepada warga kota.

11. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahhirahmanirrahim saya merasmikan Pelan Antirasuah Organisasi KWP dan agensi.